

**KAJIAN MENGENAI REVITALISASI MUZIUM AWAM KECIL- KAJIAN
KES DI MUZIUM DUNGUN, TERENGGANU**

NORAFARRAHIM BINTI RAHIM

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN

KEPUJIAN

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI REVITALISASI MUZIUM AWAM KECIL- KAJIAN KES DI
MUZIUM DUNGUN, TERENGGANU**

Disediakan oleh:

NORAFARRAHIM BINTI RAHIM

C18A0228

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

**PERAKUAN STATUS
TESIS**

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



NORAFARRAHIM BINTI RAHIM

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kajian Mengenai Revitalisasi Muzium Awam Kecil – Kajian Kes Di Muzium Dungun, Terengganu” telah disediakan oleh **(Norafarrahim binti Rahim)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Sahrudin bin Mohamed

Som) Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur kepada Illahi atas peluang untuk menyelesaikan tugas yang telah diberikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Pertama sekali, sekalung ucapan terima kasih kepada Dr. Tsuji Shuji dan Encik Saharudin bin Mohamed Som iaitu selaku penyelia bagi Projek Penyelidikan yang dijalankan. Segala tunjuk ajar serta banyak memberi sokongan moral kepada pengkaji semasa menyiapkan penyelidikan ini. Selaku penyelia yang memberi panduan, cadangan, dan kritikan yang membina membolehkan saya untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan sebaik mungkin. Seterusnya, pengkaji juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibubapa pengkaji iaitu En. Rahim bin Ismail dan Puan Rosmani binti Ismail kerana sentiasa menyokong perjuangan pengkaji.

Pengkaji mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada rakan-rakan Konservasi dan rakan-rakan lain yang turut serta menjalankan Projek Penyelidikan ini. Rakan-rakan sepejuangan yang berkongsi rujukan dan contoh yang diperlukan oleh pengkaji dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan pengkaji yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa proses menyiapkan projek penyelidikan ini serta rakan baik saya iaitu Siti Nor Syawina yang sentiasa memberikan semangat untuk menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar hasil penyelidikan yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan kepada pembaca dan golongan yang akan dapat mengembangkan lagi tajuk kajian yang dipilih nanti. Selain itu, pengkaji berharap agar dapat membuka mata masyarakat tentang kepentingan kajian ini kepada masyarakat minority di Kawasan Dungun.

ABSTRAK

Muzium Dungun merupakan sebuah tempat yang terletak di Pantai Teluk Lipat, Dungun dan ianya berfungsi sebagai tempat untuk memberikan penerangan dan mempamerkan artifak-artifak mengenai sejarah daerah Dungun. Bangunan muzium Dungun mempunyai ciri-ciri colonial yang bermaksud sifat jajahan dan ianya merupakan rumah asal bagi Pegawai Daerah Dungun. Rumah ini telah dibina pada tahun 1941 dan terletak dalam lot yang bernombor 3585 yang mempunyai keluasan sebanyak 4.0958 ekar. Muzium Dungun merupakan sebuah bangunan bersejarah dan pernah menjadi rumah persinggahan Penolong Penasihat British yang datang berkunjung ke daerah Dungun. Selain itu, rumah ini juga berfungsi sebagai sebuah rumah rasmi Pegawai Daerah Dungun. Terdapat beberapa Pegawai Daerah Dungun yang pernah tinggal di muzium tersebut ialah Haji Dol Alias (1941-1942), Che Khalid Kassim (1943-1945), Haji Khalid Awang (1974-1975) dan lain-lain lagi. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji untuk meneliti permasalahan yang terdapat di Muzium Dungun.

Kata Kunci: Muzium, Sejarah,

ABSTRACT

Dungun Museum is a place located on Teluk Lipat Beach, Dungun and it serves as a place to provide information and display artifacts about the history of Dungun district. Dungun museum building has colonial features which means the nature of the colony and it is the original home for the Dungun District Officer. The house was built in 1941 and is located in lot numbered 3585 which has an area of 4,0958 acres. The Dungun Museum is a historic building and used to be the lodge of British Assistant Advisers who came to visit the Dungun district. Apart from that, this house also serves as an official house of the Dungun District Officer. There are several Dungun District Officers who have lived in the museum are Haji Dol Alias (1941-1942), Che Khalid Kassim (1943-1945), Haji Khalid Awang (1974-1975) and others. This study was conducted to examine the problems found in the Dungun Museum.

Keywords: *Museum, History,*

ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1-3
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	3-4
1.2 PERNYATAAN MASALAH	5-6
1.3 PERSOALAN KAJIAN	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	7-8
1.6 SKOP KAJIAN	8
1.7 LOKASI KAJIAN	9
1.8 KESIMPULAN	10
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.0 PENGENALAN	11
2.1 MUZIUM	11
2.1.1 Sejarah Muzium Dungun	12-13
2.2 FUNGSI MUZIUM	13-14
2.3 FAKTOR KEHADIRAN PELANCONG KE MUZIUM	14-15
2.4 REVITALISASI	15-17
2.4.1 Kepentingan Revitalisasi Terhadap Muzium	17-18
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	
3.0 PENGENALAN	19
3.1 SUMBER DATA	19
3.1.1 Data Primer	19
3.1.2 Data Sekunder	20

3.2 KAEDAH KAJIAN	20
3.3 KAEDAH KUALITATIF	20-21
3.4 PENGUMPULAN DATA	21
3.4.1 Perpustakaan	21
3.4.2 Temubual	21-22
3.4.3 Pemerhatian	22
3.4.5 Analisis Dokumen	23
3.4.6 Analisis Data	23
3.5 INSTRUMEN KAJIAN	24
3.6 REKA BENTUK KAJIAN	24-25
3.7 SAMPEL KAJIAN	25
3.8 KESIMPULAN	26
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 PENGENALAN	27-28
4.1 MENGAJAI FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MUZIUM DUNGUN KURANG AKTIVITI PERMUZIUMAN	28-29
4.2 MENGENALPASTI LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL BAGI MENGHIDUPKAN SEMULA AKTIVITI-AKTIVITI PERMUZIUMAN DI MUZIUM	30-32
4.3 KESIMPULAN	33
BAB 5: KESIMPULAN	
5.0 PENGENALAN	34
5.1 RUMUSAN KAJIAN	34-36
5.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN	37
5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1	37
5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2	37
5.3 CADANGAN	38
5.4 KESIMPULAN	38

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Muzium merupakan sebuah tempat bagi menyimpan perbagai khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa sesebuah negara. Secara amnya, perkataan muzium berasal daripada perkataan Yunani yang bermaksud 'muoseion' yang menunjukkan bahawa ianya sebuah tempat yang suci dan dapat menghiburkan para pengunjung yang datang mengunjung. Kewujudan muzium ditubuhkan sebagai tempat untuk ahli-ahli ilmuan dan falsafah berkumpul dan menjadi sebuah tempat untuk bertukar-tukar pandangan tentang sesuatu. Pelbagai perkara yang dibincangkan dan dikumpulkan seperti bahan berkaitan sejarah, seni, budaya, astronomi dan keagamaan bagi membuktikan bahawanya ia wujud. Seperti yang dapat dilihat, institusi muzium semakin berkembang dan kini muzium telah menjadi sebuah tempat bagi masyarakat untuk mengunjung dan mengisi masa lapang. Kini, boleh dikatakan hampir setiap negara menubuhkan muzium di negara masing-masing dan mempunyai pelbagai jenis muzium untuk dipamerkan kepada masyarakat dalam dan luar negara.

Sejarah muzium di Malaysia bermula pada tahun 1833 ketika munculnya seorang pegawai British dan telah menubuhkan sebuah Muzium di Taiping, Perak. Seterusnya, selepas penubuhan Muzium Perak ianya diikuti oleh penubuhan Muzium Sarawak di Kuching pada tahun 1888 dan kemudiannya ditubuhkan Muzium di Selangor pada tahun 1899. Selepas dua tahun kemerdekaan iaitu pada tahun 1959, kerajaan telah melantik seseorang arkitek iaitu Encik Ho Kok Hoe bagi membina sebuah Muzium Negara diatas tapak runtuh Muzium Selangor. Walaupun Muzium Selangor merupakan sebuah muzium yang bermakna tetapi dengan membina Muzium Negara dapat menjadikan ia sebuah muzium yang mempunyai nilai yang bermakna terhadap negara. Selepas perbincangan diluluskan, pembinaan telah dimulakan pada

tahun 1962 dan 31 Ogos 1963 dan telah dirasmikan oleh Yang di Pertuan Agong-III Tuanku Syed Putra Al-Haj Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail. Keistimewaan Muzium Negara adalah reka bentuk bangunan tersebut kerana ia bercirikan elemen estetik dan ukiran bangunan Istana Melayu tradisional serta reka bentuk ini juga telah dipipih sendiri oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Seterusnya, bagi menjadikan sesebuah muzium itu berfungsi dengan baik pelbagai perkara yang boleh dilakukan seperti melaksanakan dan menguruskan segala bentuk pameran dan aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan oleh institusi muzium agar ia menjadi sebuah institusi muzium yang 'hidup' dan terus dikunjungi oleh masyarakat. Selain itu juga muzium juga berperanan untuk menjadi sebagai tempat penyelidikan dan dijadikan sebagai bahan rujukan terutamanya kepada pelajar-pelajar. Hal ini demikian kerana, muzium bertanggungjawab dalam merancang dan memilih buku-buku ilmiah yang sesuai untuk disimpan sebagai bahan rujukan.

Kajian yang dijalankan ini turut menjelaskan matlamat Muzium Dungun dan juga mengenalpasti permasalahan-permasalahan yang berlaku terhadap Muzium Dungun seperti kurangnya berlaku aktiviti-aktiviti serta permasalahan yang mengakibatkan Muzium Dungun tidak lagi beroperasi dengan baik. Terdapat beberapa aspek yang perlu dipertingkatkan lagi seperti pengurusan muzium bagi menarik minat pengunjung dan pameran-pameran yang tersedia bagi menghidupkan kembali Muzium Dungun.

Oleh disebabkan itu, pelbagai kajian akan dijalankan bagi mengetahui punca-punca masalah yang berlaku terhadap Muzium Dungun. Oleh itu, pengkaji telah menyediakan pelbagai persoalan, skop kajian, permasalahan kajian yang akan diambil dan dijadikan sebagai panduan bagi pengkaji menjalankan tugas ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Muzium Dungun adalah sebuah tempat yang terletak di Pantai Teluk Lipat, Dungun dan ianya berfungsi sebagai tempat untuk memberikan penerangan dan mempamerkan artifak-artifak mengenai sejarah daerah Dungun. Bangunan muzium Dungun mempunyai ciri-ciri colonial yang bermaksud sifat jajahan dan ianya merupakan rumah asal bagi Pegawai Daerah Dungun. Rumah tersebut telah dibina pada tahun 1941 dan terletak dalam lot yang bernombor 3585 yang mempunyai keluasan sebanyak 4.0958 ekar.

Muzium Dungun merupakan sebuah bangunan bersejarah dan pernah menjadi rumah persinggahan Penolong Penasihat British yang datang berkunjung ke daerah Dungun. Selain itu, rumah ini juga berfungsi sebagai sebuah rumah rasmi Pegawai Daerah Dungun. Terdapat beberapa Pegawai Daerah Dungun yang pernah tinggal di muzium tersebut ialah Haji Dol Alias (1941-1942), Che Khalid Kassim (1943-1945), Haji Khalid Awang (1974-1975) dan lain-lain lagi.

Setelah rumah ini tidak lama digunakan sebagai kediaman rasmi Pegawai Daerah Dungun, kemudiannya ia digunakan sebagai oleh berbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk dijadikan pejabat bagi menjalankan berbagai aktiviti sebelum bangunan ini terbiar kosong. Dalam usaha memulihara bangunan bersejarah ini dari musnah Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengambil inisiatif

membbaikpilih bangunan ini bermula pada bulan Februari 2008 dan siap sepenuhnya pada Mei 2008 untuk dijadikan sebuah muzium berperanan sebagai tempat untuk menyelidik, mengumpul, memulihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.

Penubuhan Muzium Daerah Dungun adalah sempena Pelancaran Wilayah Ekonomi (ECER) oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia pada 28 Oktober 2007 yang menekankan kepada penggalakkan pelancongan pesisir pantai, pulau, budaya dan warisan. Majlis pembukaan awal Muzium Daerah Dungun dirasmikan pada 19 Ogos 2008 oleh Yang Berbahagia Dato' Za'abar Dato' Mohd Adib, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Terengganu. Muzium Dungun ini amat penting kerana berfungsi sebagai wadah untuk menyelidik, mengumpul, memulihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara. Muzium juga berkeupayaan menyuntik kesedaran mengenai pentingnya menjaga serta mengingati peninggalan sejarah dalam kalangan masyarakat tanpa mengira apa jua bentuknya. Ini merupakan satu langkah ke arah pembinaan negara dan masyarakat yang intelektual dengan identiti satu bangsa Malaysia.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Muzium merupakan sebuah tempat bagi menyebarkan ilmu sejarah kepada masyarakat. Kini, terdapat beberapa muzium yang lagi tidak berfungsi malah ditutup disebabkan oleh kekurangan pengunjung sehingga tidak dapat menampung kos pembiayaan. Walaupun kini banyak muzium yang telah dijadikan sebagai muzium yang moden tetapi ia masih tetap tidak boleh menarik minat pengunjung.

Menurut penjelasan Direktor Pelestarian Cagar Budaya dan Permuziuman, Hary Widianto (2012-2018):

“Upaya untuk meningkatkan kualiti muzium adalah dengan melakukan revitalisasi kerana revitalisasi muzium merupakan salah satu langkah yang dilakukan bagi peningkatan citra muzium”

Pernyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa dengan melakukan revitalisasi ianya akan meberikan impak dan manfaat yang besar. Muzium akan berkembang menjadi lebih baik dan masyarakat akan semakin kenal dan cinta akan muzium. Konsep revitalisasi ini bukan sekadar menghidupkan kembali malah lebih menyempurnakan strukturnya, mekanisme kerja, menyesuaikan diri dengan keadaan baru, semangat baru dan komitmen baru.

Namun begitu, tahap kesedaran masyarakat terhadap permuziuman masih tidak dalam keadaan yang memberangsangkan sungguhpun semangat untuk menghidupkan masih ada bagi sesetengah pihak. Muzium Dungun yang berfungsi sebagai tempat untuk memberikan penerangan dan mempamerkan artifak-artifak mengenai sejarah daerah Dungun kini mengalami kurang perhatian daripada

masyarakat diluar sana malah masih ramai yang tidak mengetahui akan kewujudan Muzium Dungun ini terutamanya golongan anak muda.

Selain itu, bagi menjalani proses menghidupkan semula muzium terdapat beberapa cabaran yang bakal dihadapi oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan seperti menggunakan kos yang tinggi bagi menghidupkan kembali muzium. Terdapat beberapa perkara yang memerlukan kos yang agak tinggi seperti membaiki kawasan muzium yang telah rosak, kos peralatan dan juga kos tenaga pekerja. Walau bagaimanapun, apabila sesuatu bangunan dikatakan bersejarah, kerajaan akan menggunakan pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan akan membantu bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman.

Akhir sekali, kurangnya perhatian daripada pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, keluarga dan juga individu merupakan salah satu masalah yang dihadapi bagi menarik minat masyarakat untuk pergi ke muzium. Pihak kerajaan, keluarga dan individu itu tersendiri perlu memainkan peranan masing-masing bagi menjadikan muzium kembali menjadi sebagai sebuah tempat pelancongan yang menarik sekaligus dapat mengekalkan aktiviti permuziuman.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Disini terdapat beberapa persoalan yang perlu dirungkaikan dan dikaji mengenai revitalisasi Muzium Dungun seperti:

Apakah faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman?

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun?

1.4 OBJEKTIF

Objektif bagi kajian ini adalah seperti yang ditulis dibawah dan akan menjadi panduan bagi mencapai matlamat akhir kajian ini:

Mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman.

Mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat dijangka dapat menjelaskan kepada pengetahuan umum mengenai Muzium Dungun kerana masyarakat umum perlu mengetahui, memahami dan menilai sendiri mengenai aktiviti-aktiviti muzium dan koleksi-koleksi yang ada didalam muzium tersebut. Selain itu, ia juga penting terhadap pihak muzium tersendiri untuk membuat penilaian dan penilitian dari segi pengurusan penjagaan agar dapat memastikan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memanjangkan hayat muzium tersebut dan dapat menarik ramai pengunjung. Seterusnya, kepentingan kajian ini adalah kepada pengkaji tersendiri untuk mengkaji lebih mendalam lagi mengenai aktiviti-aktiviti di permuziuman agar ia dapat dihidupkan kembali bagi menarik minat pengunjung sekaligus menjadikan proses revitalisasi sebagai salah satu langkah yang dapat membantu pihak muzium kerana ianya jarang diketahui cara pengurusannya. Akhir sekali, kepentingan kajian ini adalah penting kepada pengkaji yang akan datang. Hal ini demikian kerana, kajian ini akan memberikan kepentingan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk membuat kajian mengenai muzium-muzium lain dan

menjadikan kajian ini sebagai salah satu bahan rujukan bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan ke atas Muzium Dungun yang terletak di di Jalan Yahya Ahmad, Dungun iaitu berdekatan dengan bandar Dungun. Kajian ini akan melibatkan penduduk di sekitar kawasan bandar Dungun dan temu bual bersama kakitangan Muzium Dungun turut akan dijalankan. Kajian ini juga akan dijalankan untuk mengkaji nilai kepentingan Muzium Dungun terhadap masyarakat dan pengkaji juga akan mengkaji tentang perkembangan atau potensi aktiviti yang bakal dilakukan oleh muzium setelah proses revitalisasi terhadap muzium dijalankan.

1.7 LOKASI KAJIAN

Muzium Daerah Dungun menjadi pilihan tempat bagi pengkaji untuk membuat penyelidikan kerana pengkaji ingin melihat sendiri permasalahan yang berlaku di Muzium Dungun serta aktiviti-aktiviti yang ada di Muzium Dungun. Lokasi kajian ini terletak di Jalan Yahya Ahmad, Dungun iaitu berdekatan dengan bandar Dungun. Selain itu, bangunan muzium ini juga berdekatan dengan Pusat Pemeliharaan Penyu dan Al Sagoff Old House. Berikut merupakan peta lokasi kajian yang menempatkan Muzium Dungun iaitu tempat pengkaji ingin membuat penyelidikan:



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.8 KESIMPULAN

Berdasarkan daripada perbincangan ini, terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan. Muzium merupakan sebuah tempat yang menyediakan banyak program dan perkhidmatan kepada masyarakat dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti meperolehi, pemuliharaan dan mengintreptasikan artifak-artifak bagi tujuan mendidik serta membuka peluang kepada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan. Seterusnya, revitalisasi adalah sangat penting bagi memulakan langkah awal untuk mebangunkan semula muzium untuk generasi yang akan datang. Pengkaji berharap bahawa dengan kajian ini muzium sentiasa dilewati pengunjung dan kesemua pihak perlu memainkan peranan yang penting.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji telah melakukan kajian literatur bagi mendapatkan maklumat tentang kajian-kajian lepas. Muzium merupakan satu komponen dalam penyampaian ilmu pengetahuan yang memang dipersetujui oleh masyarakat. Kini negara terlibat dalam era globalisasi dan terdapat beberapa perubahan kepada muzium seperti perubahan fungsi muzium sebagai tempat menuntut ilmu tetapi kini menjadi sebuah tempat untuk dikunjungi pengunjung. Selain itu, pengkaji juga akan melihat kajian-kajian lepas mengenai revitalisasi yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu untuk melihat kesan-kesan yang berlaku kepada ekonomi. Melalui bab ini, pengkaji akan mengupas mengenai kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan dan kajian yang hampir sama dengan kajian ini.

2.1 MUZIUM

Menurut Kamus Dewan Bahasa Malaysia, muzium merupakan sebuah tempat untuk menjalankan proses mengumpul, menyelidik dan memelihara segala barang-barang lama termasuklah segala barang yang berbentuk kesenian, warisan dan adat resam seperti manuskrip, senjata, ukiran dan tekstil. Selain itu, dari sudut pandangan tradisional muzium juga bermaksud sebagai tempat untuk penyimpanan barang-barang lama dan pandangan ini juga akan merubah dari semasa ke semasa. Pada tahun 1974, selepas penubuhan UNESCO melalui badan professional yang dipanggil ICOM telah mewujudkan satu definisi tetap dan lebih terperinci terhadap muzium.

2.1.3 SEJARAH MUZIUM DUNGUN

Menurut Kampung Padang Jambu, sejarah Muzium Dungun bermula apabila berlakunya hasil Pelancaran Wilayah Ekonomi (ECER) oleh Yang Amat Berbahagia Perdana Menteri Malaysia pada 28 Oktober 2007. Hasil daripada pelancaran tersebut, terdapat beberapa penekanan untuk menggalakkan pelancong tentang persisir pantai, pulau, budaya dan warisan. Oleh itu, Lembaga Muzium Negeri Terengganu telah membuka peti cadangan kepada Kerajaan Negeri supaya daerah Dungun ditubuhkan sebuah Muzium kerana sejak tahun 1930 an, daerah Dungun terkenal dengan perlombongan bijih besi di Bukit Besi, Dungun. Setelah dipersetujui oleh semua pihak, Muzium Dungun dibuka pada tahun 19 Ogos 2008. Sebelum dijadikan sebuah muzium, bangunan merupakan sebuah bangunan bersejarah dan pernah menjadi rumah persinggahan Penolong Penasihat British yang datang berkunjung ke daerah Dungun. Selain itu, rumah ini juga berfungsi sebagai sebuah rumah rasmi Pegawai Daerah Dungun. Terdapat beberapa Pegawai Daerah Dungun yang pernah tinggal di muzium tersebut ialah Haji Dol Alias (1941-1942), Che Khalid Kassim (1943-1945), Haji Khalid Awang (1974-1975) dan lain-lain lagi.

Setelah rumah ini tidak lama digunakan sebagai kediaman rasmi Pegawai Daerah Dungun, kemudiannya ia digunakan sebagai oleh berbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk dijadikan pejabat bagi menjalankan berbagai aktiviti sebelum bangunan ini terbiar kosong. Dalam usaha memulihara bangunan bersejarah ini dari musnah Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengambil inisiatif membaikpulih bangunan ini bermula pada bulan Februari 2008 dan siap sepenuhnya pada Mei 2008 untuk dijadikan sebuah muzium berperanan sebagai tempat untuk menyelidik, mengumpul, memulihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam semulajadi negara.

Terdapat beberapa objektif penubuhan Muzium Dungun iaitu untuk memulihara bangunan bersejarah untuk tatapan generasi yang akan datang dan memupuk semangat untuk mengenali dan menghayati senibina Islam. Selain itu, muzium Dungun juga ingin menjadikan muzium ini sebagai salah satu aset kepada industri pelancongan.

2.2 FUNGSI MUZIUM

Menurut Lembaga Muzium Terengganu, muzium telah memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Peranan muzium bukan sahaja sebagai tempat untuk menyimpan barang sejarah, objek dan artifak tetapi ia juga berperanan untuk mendidik dan memberikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Penulisan yang ditulis oleh Nor Hidayah dan Mohd Yuszaidy (2017) yang bertajuk Peranan Galeri Sultan Azlan Shah Sebagai Pendidikan Tidak Formal telah menunjukkan beberapa kajian-kajian lepas mengenai peranan muzium. Kajian yang telah dipilih oleh pengkaji lepas adalah bertajuk Universiti Orang Kampung yang telah ditulis oleh Md. Redzuan Tumin (2004). Artikel tersebut telah membicarakan tentang peranan muzium yang kini telah menjadi pusat untuk mendidik masyarakat dengan cara yang tersendiri dan berbeza dengan pendidikan di institusi Pendidikan yang khusus. Ini dapat dilihat bahawa muzium telah mendidik masyarakat tanpa mengaitkan buku, guru dan sekolah. Ini dapat dilihat, dengan menunjukkan pameran dan sedikit penulisan di muzium, masyarakat dapat belajar dan menambah ilmu pengetahuan dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Ini sekaligus menjadikan muzium sebagai pusat pendidikan secara tidak formal.

Seterusnya, menurut Dzul Haimi Md.Zain (2004), muzium merupakan penyumbang kepada aspek pendidikan kepada masyarakat. Selain itu, muzium juga

berperanan sebagai penybar maklumat kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana, pameran-pameran yang dirancang merupakan satu langkah yang penting untuk menarik pengunjung serta menyampaikan maklumat kepada pengunjung. Dengan ini, masyarakat akan melahirkan rasa cinta terhadap sejarah dan budaya sendiri. Muzium juga mempunyai konsep tersendiri iaitu “ Jika mereka tidak datang ke muzium, oleh itu muzium perlu pergi kepada mereka”. Seterusnya, menurut Nor Azizah Mahat (2015), tarikan yang terdapat di muzium dapat membangkitkan semangat nasionalisme kepada para pengunjung yang datang dengan menggunakan pendekatan interpretasi dan simbolik. Melalui pendekatan tersebut, para pengunjung akan mendapat penerangan dan maklumat berdasarkan kepada koleksi-koleksi yang diapamerkan. Sekaligus ia menunjukkan bahawa muzium berperanan untuk menaikkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat serta dapat membantu pengkaji-pengkaji diluar sana dalam melakukan kajian yang berkaitan dengan muzium.

2.3 FAKTOR KEHADIRAN PELANCONG KE MUZIUM

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka pelancong bermaksud orang yang sedang melancong. Pelancong adalah pelawat sementara yang tinggal sekurang-kurangnya 24 jam di negara yang dikunjungi dan perjalanannya seperti pelayaran, percutian, kesihatan, pendidikan dan sukan. Manakala menurut Davidson (1989) pelancongan bermaksud sebuah percutian seseorang dari sebuah tempat ke tempat yang lain. Waltl (2006) menyatakan bahawa muzium tanpa pelawat akan menjadi seperti ruang yang tidak bermaya dan kosong tanpa tujuan. Greenhill (1994) pula mengatakan perhubungan dengan pelawat perlu difokuskan dengan menggunakan kaedah komunikasi dan kandungan mesej tersebut.

Faktor pertama pengunjung pergi ke muzium adalah untuk menambah ilmu pengetahuan. Muzium dikenali sebagai pendidikan tidak formal kerana muzium mempamerkan banyak tentang sejarah dan artifak-artifak terdahulu. Muzium mempunyai pelbagai maklumat yang ingin diperolehi dan ianya sesuai untuk pelajar-pelajar yang ingin menjalankan kajian kerana di muzium mempunyai pelbagai maklumat yang berkaitan. Selain itu, pengunjung datang ke muzium kerana untuk mengetahui tentang sejarah-sejarah yang berlaku pada zaman terdahulu melalui artifak yang dijumpai. Artifak-artifak mempunyai nilai aset yang tersendiri yang dapat memberikan pengunjung pelbagai maklumat dan sekali gus dapat menjana ekonomi negara.

Seterusnya, terdapat beberapa aktiviti yang menarik yang di buat oleh pihak muzium yang dapat menarik minat pengunjung. Aktiviti-aktiviti di muzium mengikut fungsi muzium tersendiri. Aktiviti-aktiviti yang kebiasaannya dapat menarik minat pengunjung adalah dengan melakukan aktiviti penjualan, pameran koleksi, persembahan dan permainan. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat menarik minat pengunjung untuk datang ke muzium terutamanya golongan anak muda.

2.4 REVITALISASI

Penulisan yang ditulis oleh Ida Ayu Gede (2016) mengenai Revitalisasi Muzium Manusia Purba Gilimanuk, penulis telah menekankan konsep new museum dengan tujuan dan prinsip muzium yang relevan dan bersesuaian dengan masyarakat. Ianya tidak hanya berorientasi kepada koleksi tetapi konsep ini menjelaskan bahawa muzium dijadikan institusi pendidikan yang berperanan untuk menjadikan masyarakat peduli tentang muzium dan bangga akan kewujudan muzium. Menurut penulis lagi, revitalisasi adalah sangat penting untuk dilakukan sebagai langkah awal untuk

membangunkan muzium.

Menurut Danisworo (2002), revitalisasi adalah langkah untuk menghidupkan kembali sesuatu bangunan, kawasan ataupun bahagian bandar yang pernah hidup tetapi mengalami kemerosotan. Proses revitalisasi merangkumi pelbagai aspek iaitu aspek fizik, aspek ekonomi dan aspek sosial. Pendekatan revitalisasi ini mampu mengenali dan memanfaatkan potensi sejarah, lokasi dan gambar tempat.

Menurut Laretna (2002), revitalisasi adalah bukanlah sesuatu yang hanya berorientasi pada penyelesaian kecantikan fizikal, tetapi juga harus dilengkapi dengan meningkatkan ekonomi masyarakat dan memperkenalkan budaya yang ada. Untuk melakukan revitalisasi, penglibatan masyarakat sangat diperlukan. Penglibatan yang dimaksudkan bukan hanya berpandukan untuk menyokong aspek formaliti yang memerlukan penyertaan masyarakat, selain itu komuniti yang terlibat bukan hanya komuniti di persekitaran, tetapi masyarakat dalam pengertian yang luas.

Menurut Drs. Prihatno (2016), proses merevitalisasi kawasan atau bahagian bandar termasuk meningkatkan aspek fizikal dan ekonomi bangunan dan ruang bandar. Revitalisasi fizikal adalah strategi jangka pendek yang bertujuan untuk mendorong peningkatan aktiviti ekonomi jangka panjang. Revitalisasi fizikal dipercayai dapat memperbaiki keadaan fizikal (termasuk tempat awam) di bandar, tetapi tidak dalam jangka masa panjang. Atas sebab ini, masih perlu untuk meningkatkan dan meningkatkan aktiviti ekonomi yang merujuk kepada aspek sosio-budaya dan juga aspek persekitaran. Ini benar-benar diperlukan kerana melalui penggunaan yang produktif, diharapkan mekanisme penyelenggaraan dan kawalan yang berkekalan akan terbentuk atas adanya kemudahan dan infrastruktur bandar.

Menurut Leila Retno Kotmala (2003), revitalisasi adalah aset atau produk budaya dan sebahagiannya adalah daripada usaha pemuliharaan. Konsep pemuliharaan merangkumi empat komponen utama iaitu pemeliharaan, pemulihan, pembinaan semula dan revitalisasi. Manakala, definisi revitalisasi menurut Muhammad Takdirullah (2009), revitalisasi adalah usaha untuk mengubah aset budaya yang telah disesuaikan dengan pembangunan masyarakat dan mempunyai fungsi baru tanpa menghilangkan semangat budaya itu.

2.4.1 KEPENTINGAN REVITALISASI TERHADAP MUZIUM

Muzium sangat penting bagi masyarakat kerana ia menceritakan kehidupan manusia yang terdahulu dan peristiwa-peristiwa bersejarah. Menurut Mohd Zaini (2016), muzium telah lama diwujudkan sejak abad ke-3 sebelum Masihi dan semakin berkembang mengikut peredaran. Kini, kurangnya sambutan orang muda terhadap muzium adalah mungkin disebabkan kerana artifak, konsep pameran ataupun cara persembahan artifak tidak terlalu berjaya menarik minat pengunjung. Untuk menambahkan kemeriahan terhadap muzium, pihak muzium perlu mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik minat pengunjung. Selain itu, suasana di Muzium perlulah diceritakan lagi dengan menggunakan konsep yang moden agar dapat menarik minat pengunjung.

Langkah pertama yang boleh diambil bagi menghidupkan kembali muzium adalah dengan melakukan revitalisasi. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa kepentingan yang dapat diperoleh dengan melakukan revitalisasi terhadap muzium. Kepentingan yang pertama adalah dapat menghidupkan kembali semula muzium dan koleksi-koleksi yang terdapat tanpa perlu mengubah budaya. Selain itu, ia dapat memberikan makna baru terhadap koleksi tanpa perlu mengubah bahan dan bentuk

yang sedia ada. Sebaliknya, revitalisasi adalah usaha untuk menghidupkan atau menghidupkan kembali sesuatu yang masih ada makna dan dengan itu wujud perlu dijaga dan dikembangkan.

Seterusnya, kepentingan revitalisasi adalah dapat melakukan pembinaan semula terutamanya pada koleksi budaya yang telah dilupakan oleh masyarakat. Koleksi budaya yang telah hilang dari peredaran masa boleh dihidupkan semula dengan melakukan proses revitalisasi. Selain itu, penambahbaikan semula iaitu dengan menambahkan, mengembangkan, mengganti atau memberi fungsi baharu terhadap muzium dan koleksi-koleksi. Penyesuaian semula dilakukan untuk mengembangkan sesuatu fungsi lama dengan fungsi baharu. Kepentingan revitalisasi juga dapat mengubah format atau menukarkan bentuk lama kepada bentuk baharu yang sesuai dengan keperluan dan cita rasa yang baru.

Ini menunjukkan dengan melakukan proses revitalisasi terhadap muzium, ia dapat memberikan gambaran yang luas dan dapat menarik minat pengunjung untuk mengunjungi muzium. Dengan melakukan penambahbaikan kesemua pihak akan mendapat manfaat masing-masing sekali gus dapat menjadikan muzium sebagai tempat pelancongan yang mewah untuk dikunjungi bagi masyarakat luar dan dalam negara.

UNIVERSITY
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Menurut The American Heritage Dictionary of English Language, metodologi kajian adalah analisis teori mengenai kaedah yang sesuai untuk digunakan untuk bidang pengajian. Bab ini akan membincangkan kaedah kajian ataupun cara yang pengkaji akan jalankan untuk mendapatkan data-data analisis bagi tujuan untuk mencapai kehendak objektif kajian. Setelah dilihat, beberapa perkara penting yang perlu dibincangkan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai dan memenuhi keinginan pengkaji. Di dalam metodologi kajian, beberapa perkara yang perlu dilihat seperti reka bentuk kajian, lokasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, jangka masa kajian, kaedah analisis data, serta jenis-jenis soalan yang akan digunakan bagi tujuan temubual nanti untuk mendapatkan data. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan berbeza. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menerangkan mengenai permasalahan pengurusan aktiviti di Muzium Dungun, kesan revitalisasi kepada ekonomi dan matlamat Muzium Dungun.

3.1 SUMBER DATA

3.1.1 DATA PRIMER

Data primer adalah data yang berasal daripada sumber asli yang telah dikumpul bagi menjawab persoalan kajian (Yusof, 2003). Data-data yang telah dikumpul oleh pengkaji melalui kajian lapangan seperti pemerhatian, temubual dan sebagainya.

3.1.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain (Marican, 2005). Kajian pengkaji-pengkaji lepas akan digunakan bagi tujuan melengkapkan informasi dan ianya sesuai untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Pengkaji menggunakan data sekunder bagi memudahkan menjawab permasalahan kajian daripada melihat kajian lepas seperti jurnal, artikeldanlain-lain lagi.

3.2 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji permasalahan dan kebolehan revitalisasi yang dapat dilakukan oleh Muzium Dungun untuk memastikan muzium tidak dilupakan oleh pengunjung dan masyarakat. Pengkaji telah menyelidik terutamanya dalam kaedah penambaikkan untuk menarik lebih ramai pengunjung. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data bagi dapatan kajian. Data-data yang diterima akan dianalisiskan bagi mendapatkan jawapan daripada permasalahan kajian.

3.3 KAEDAH KUALITATIF

Menurut Hamzah (2010) kaedah kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan dan memerlukan pemerhatian yang teliti. Kaedah kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi ia dapat memperoleh maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam kumpulan. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpul data dan maklumat yang diperlukan. Ini merupakan kaedah yang lebih terperinci yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan sahih.

Bagi mengumpul maklumat mengenai Muzium Dungun pengkaji telah memilih kaedah kualitatif kerana mudah untuk mengumpul maklumat berbanding menggunakan kaedah kuantitatif yang memerlukan frekuensi, peratusan dan sebagainya.

3.4 PENGUMPULAN DATA

3.4.1 PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Dengan melakukan kajian perputakaan, pengkaji dapat melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkai-pengkaji terdahulu dengan melakukan penyelidikan dengan melihat kelemahan dan kekuatan kajian terdahulu. Dengan menggunakan kajian perpustakaan, banyak data yang akan diperoleh berdasarkan buku, jurnal, kertas kerja, akbar berita, dan lain-lain lagi untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang berkaitan kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat mendalami lebih dalam lagi dengan mengetahui konsep-konsep yang berkaitan dengan kajian.

3.4.2 TEMU BUAL

Temu bual merupakan salah satu data yang paling penting untuk menjalankan kaedah kualitatif (Yin 2003). Menurut Merriam (1998) temu bual merupakan salah satu kerja yang penting kerana ia dapat menunjukkan kelakuan, perasaan dan bagaimana seseorang itu menunjukkan minat terhadap sesuatu perkara. Temu bual terbahagi kepada dua bahagian iaitu temu bual secara mendalam dan temubual kumpulan fokus (Focus Group Discussion). Temu bual merupakan salah satu instrumen yang penting bagi menjalankan kajian. Dengan melakukan teknik temubual, pengkaji dapat memperoleh maklumat seperti pandangan responden, pertukaran pendapat dan sebagainya. Teknik temubual juga sesuai digunakan untuk mendapatkan pandangan

secara fleksibel daripada responden dimana huraian maklumat yang diberi oleh responden akan lebih meluas semasa temubual dijalankan. Dalam kajian ini, temu bual digunakan dalam menemu bual responden bagi mendapatkan pandangan, persepsi dan pendapat mereka mengenai kajian yang dilakukan. Pengkaji akan melakukan temubual bersama para kakitangan muzium dan juga segelintir penduduk seramai lima orang yang berdekatan dengan Muzium Dungun. Pengkaji memilih kakitangan Muzium Dungun kerana mereka lebih arif dan banyak maklumat dan perkongsian yang pengkaji akan dapat.

3.4.3 KAEDAH PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian adalah langkah alternatif untuk pengumpulan data selain daripada sumber internet, sumber rujukan perpustakaan dan temubual. Menurut R. Kuberan (2014), pemerhatian adalah untuk mendapatkan gambaran sebenar atau secara langsung terhadap perkara yang dikaji. Pengkaji telah melakukan pemerhatian di kawasan kajian iaitu Muzium Dungun, Terengganu untuk mengetahui tentang sejarah-sejarah Muzium Dungun yang masih ramai masyarakat tidak tahu dan juga pengkaji telah memerhati peranan individu dan masyarakat untuk mengekalkan muzium. Selain itu, pengkaji akan mengambil masa dalam beberapa jam untuk memerhatikan cara kerja yang dilakukan oleh kakitangan Muzium Dungun untuk mendapatkan segala data yang diperlukan. Pengkaji telah pergi ke Muzium Dungun pada tarikh 12 Jun 2021 untuk hanya melihat kawasan dari jauh kerana muzium masih tidak dibuka kerana pandemik yang berlaku.

3.4.4 ANALISIS DOKUMEN

Analisis dokumen telah diberikan pecahan kepada pengumpulan data yang telah dikumpul oleh pengkaji. Pengumpulan maklumat atau data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang sepatutnya kepada kajian yang telah dikaji oleh pengkaji. Pengkaji telah menggunakan beberapa dokumen untuk kajian ini seperti diari dan jurnal seperti membuat rujukan dan pencarian data secara dalam talian seperti e-journal, rujukan daripada buku-buku penulisan dan juga daripada berita-berita seperti Bernama, Berita Harian dan lain-lain lagi untuk mendapatkan isu semasa tentang aktiviti-aktiviti permuziuman. Bagi diari, pengkaji mencatat secara ringkas tentang kajian yang dilakukan. Sebagai contoh, pengkaji telah mencatat fakta iaitu data kualitatif daripada temu bual dan hasil pemerhatian yang dilakukan. Bagi analisis dokumen, tapisan dan analisis akan dilakukan dengan memastikan maklumat yang diperolehi adalah selari dengan kajian.

3.4.5 ANALISIS DATA

Setiap temubual yang dijalankan, pengkaji akan merekodkan bagi tujuan untuk analisis data dan maklumat. Hasil daripada temubual tersebut, pengkaji akan mendapatkan maklumat daripada hasil rakaman tersebut dan menjadikannya ia seperti transkrip dalam bentuk penulisan. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin memastikan maklumat yang diberi responden dicatat dan difahami dengan lebih mendalam. Hasil daripada penulisan tersebut akan menjadikan ia sebagai salah satu bahan rujukan dan akan memudahkan pengkaji untuk meneruskan kajian.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Dengan melakukan teknik pemerhatian di lokasi kajian pengkaji akan mengumpul maklumat dan data yang diperlukan dengan baik sekali. Selain itu, pengkaji juga perlu mendapatkan data-data penting daripada para kakitangan muzium untuk membantu menjalankan kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan telefon bimbit, tablet dan laptop. Bagi penggunaan telefon bimbit, pengkaji akan menggunakan telefon bimbit untuk merakam suara responden-responden ketika ditemu bual. Perakam suara digunakan untuk menemu ramah kakitangan dan penduduk untuk mengenalpasti langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula muzium. Selain itu, telefon bimbit juga digunakan untuk mengambil gambar koleksi yang berada di Muzium Dungun untuk diletakkan di laman web bagi menunjukkan koleksi yang ada di Muzium Dungun untuk dilihat dan boleh dijadikan kajian untuk pengkaji yang akan datang. Penggunaan tablet juga digunakan agar pengkaji dapat mencatat segala nota dan informasi yang diberikan oleh responden. Penggunaan tablet lagi senang digunakan berbanding kertas kerana penggunaan kertas boleh mengakibatkan kehilangan data dan lain-lain lagi. Akhir sekali, pengkaji akan menggunakan laptop untuk mendapatkan data-data tentang kedatangan pengunjung ke muzium.

3.6 REKA BENTUK KAJIAN

Walaupun terdapat banyak langkah yang boleh diambil bagi mendapatkan maklumat dan data tentang kajian, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif dalam penyelidikan ini. Hal ini demikian kerana ketepatan maklumat akan diperoleh dengan melakukan kajian dengan lebih meluas terhadap masalah yang berhubung dengan faktor-faktor bagi mengenalpasti permasalahan pengurusan aktiviti di muzium dan

langkah-langkah untuk menghidupkan kembali muzium serta mengetahui kaedah yang akan digunakan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Dengan ini, sesi temubual akan dilakukan untuk memastikan kajian ini berjalan serta teknik tujuan.

3.7 SAMPEL KAJIAN

Pengkaji menggunakan sampel kajian kerana pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah utama untuk penyelidikan. Persampelan merupakan langkah penting dalam memilih sekumpulan responden. Sampel kajian akan memudahkan pengkaji untuk menentukan bilangan responden dan pengkaji perlu memilih sendiri responden yang sesuai agar dapat banyak lagi data dan maklumat yang diperlukan. Anggaran jumlah persampelan seramai enam orang iaitu lima responden daripada penduduk Dungun dan empat orang daripada kakitangan Muzium Dungun. Pengkaji menggunakan sampel saiz berskala kecil kerana menggunakan sampel fokus iaitu kakitangan muzium dan penduduk untuk menjawab persoalan kajian. Untuk keberangkalan persampelan, pengkaji menggunakan persampelan bukan keberangkalan kerana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian yang dilakukan. Oleh itu, pengkaji boleh memastikan responden yang sesuai dengan kajian yang dilakukan. Melalui sampel kajian, pengkaji akan mendapatkan persetujuan daripada pihak muzium terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti penyelidikan kerana ia akan memastikan proses jalan kerja bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan mudah diuruskan.

3.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini membincangkan tentang proses pengumpulan data dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah kajian. Melalui metodologi kajian segala aspek seperti kaedah pengumpulan data dinyatakan dengan lebih terperinci. Hal ini bagi memastikan pengkaji berada di landasan yang betul dan berlandaskan objektif kajian. oleh itu, bab ini akan berhenti sampai disini dan akan disambung dengan lebih lanjut melalui bab keempat yang akan menunjukkan hasil kajian dengan menggunakan kaedah kajian yang telah dinyatakan di atas.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab 4 ini merupakan bahagian yang membentangkan hasil dapatan kajian yang diperoleh menerusi instrument temubual yang dijalankan ke atas kumpulan responden yang disasarkan. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif iaitu secara temubual dan pemerhatian supaya dapat memahami sesuatu fenomena secara mendalam dan lebih terperinci. Kaedah kualitatif dalam bentuk pemerhatian digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk menyokong kaedah temubual yang dijalankan. Pengkaji menghuraikan analisis terhadap data serta maklumat yang diperolehi melalui kajian ini mengikut susunan objektif kajian sepertimana yang telah dinyatakan dalam bab terdahulu.

1. Tujuan penubuhan Muzium Dungun	<ul style="list-style-type: none">• Mempamerkan sejarah dan artifak yang pernah berada di Dungun.
2. Fasiliti yang disediakan di muzium	<ul style="list-style-type: none">• Tandas awam
3. Pengisian pameran	<ul style="list-style-type: none">• Mempamerkan artifak-artifak mengenai sejarah daerah Dungun.
4. Aktiviti yang dijalankan dalam mendekati masyarakat dengan muzium	<ul style="list-style-type: none">• Lawatan sambal belajar
5. Muzium mengadakan promosi di beberapa platform?	<ul style="list-style-type: none">• Tidak menyeluruh kerana Muzium Dungun tidak mempunyai laman sesawang yang tersendiri kerana dibawah penyeliaan Muzium Terengganu.

<p>6. Mempunyai koleberasi dengan organisasi luar?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak
<p>7. Adakah lokasi muzium mudah untuk dijumpai?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ya, kerana berdekatan dengan Kawasan pantai dan bandar.
<p>8. Adakah Muzium Dungun tidak melakukan sebarang aktiviti?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Masih mengadakan pameran tetapi mempunyai masalah akibat pandemik dan wabak penyakit yang berlaku.

Jadual 1: Merupakan soalan temubual yang dijalankan bersama kakitangan Muzium Dungun.

4.1 MENGAJAI FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN MUZIUM DUNGUN KURANG AKTIVITI PERMUZIUMAN

Objektif kajian pertama adalah berkenaan mengkaji factor-faktor yang menyebabkan muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman. Input terhadap objektif ini dicerakinkan dari data yang diperolehi melalui sesi temubual dan juga pemerhatian. Bagi faktor utama berlakunya kekurangan aktiviti di Muzium Dungun adalah kerana pihak kerajaan telah mengurangkan sumbangan kewangan terhadap muzium akibat berlakunya permasalahan ekonomi. Hal ini telah membuatkan pihak muzium tidak mempunyai dana yang cukup untuk melakukan sebarang aktiviti untuk menarik minat pengunjung. Selain itu, Muzium Dungun juga telah mengadakan penambahbaikan semula kawasan di Muzium Dungun dengan mengubah warna untuk menampakkan Muzium Dungun kelihatan baru.


Seterusnya, akibat berlakunya wabak penyakit Covid-19 yang telah melanda seluruh negara ia juga telah menjejaskan aktiviti-aktiviti permuziuman kepada

kebanyakan muzium. Muzium yang terpaksa ditutup dan 'gulung tikar' akibat permasalahan ini juga akan menjejaskan ekonomi negara. Akibat penularan penyakit ini, pihak kerajaan telah menyeruh kesemua sector pelancongan supaya ditutup dan tidak beroperasi. Akibat daripada permasalahan ini, Muzium Dungun tidak beroperasi selama dua tahun dan tidak menerima pengunjung. Selain daripada akibat penularan wabak penyakit ini, Muzium Dungun juga tidak dikunjungi pengunjung kerana kekurangan pengunjung yang datang kerana faktor luaran muzium yang kecil. Hal ini demikian kerana, muzium yang kecil dianggap sebagai sebuah muzium yang tidak mempunyai apa-apa selain pameran yang bersejarah. Disebabkan ini, pengunjung lebih gemar untuk pergi ke muzium yang besar seperti Muzium Terengganu kerana disana mempunyai banyak aktiviti dan pelbagai pameran.

Generasi muda pada masa kini tidak gemar untuk pergi ke muzium juga merupakan salah satu faktor muzium kekurangan aktiviti. Seperti yang diketahui, muzium mempunyai banyak aktiviti pada golongan anak muda seperti lawatan sekolah dan beberapa pertandingan yang dapat menarik minat semua golongan. Apabila golongan anak muda tidak gemar untuk pergi ke muzium telah mengakibatkan penurunan pengunjung serta aktiviti-aktiviti yang dilakukan tidak mendapat sambutan yang baik. Ini juga telah mengakibatkan Muzium Dungun tidak melakukan aktiviti-aktiviti secara kerap. Akhir sekali, pameran yang dipamerkan di ruang pameran tidak diperbaharui dan masih mempamerkan barangan sejarah yang lama. Ini juga telah menyebabkan Muzium Dungun tidak menerima pengunjung secara kerap kerana masih menggunakan pameran yang sama.

4.2 MENGENALPASTI LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL BAGI MENGHIDUPKAN SEMULA AKTIVITI-AKTIVITI PERMUZIAMAN DI MUZIUM DUNGUN.

Objektif kajian yang kedua adalah mengenalpasti Langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun. Bagi objektif kedua ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana ia amat sesuai digunakan. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji menggunakan data-data strategi pemasaran untuk menghidupkan Kembali aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun.



Rajah 1: Pemasaran Campuran 4Ps

Produk

Pemahaman pameran terhadap pengunjung perlu dititikberatkan untuk menjadikan sebuah pameran yang lebih efektif dan efisien. Untuk menjadikan sesebuah muzium lebih menarik pameran perlu memberikan impak yang baik terhadap pengunjung sebagai contoh dengan menjadikan pameran mempunyai kaedah penceritaan iaitu pengenalan, perkembangan jenis dan sebagainya. Menurut Amaani

Ahmad, 2017 penceritaan yang dimaksudkan adalah sepertimana penghasilan sesebuah rancangan teliviesyen, filem dan buku iaitu yang mempunyai pengenalan dan pengakhiran. Kebanyakan muzium di Malaysia tidak mempunyai pameran yang teratur seperti muzium-muzium di luar negara. Hal ini demikian kerana, apabila memasuki Muzium Dungun, pengkaji tidak mengetahui arah masuk dan keluar pada muzium tersebut kerana tidak mempunyai arah. Di sini, ia dapat melihat bahawa ianya tidak mempunyai kefahaman pameran kerana tidak meletakkan fahaman yang betul terhadap produk pameran. Langkah utama yang perlu diambil bagi memastikan produk pameran difahami adalah dengan memastikan pengunjung sudah diambil maklum mengenai pameran yang telah dianjurkan oleh Muzium Dungun. Ini membolehkan pengunjung mengetahui pameran yang dijalankan dan dapat menarik minat pengunjung yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sejarah-sejarah di Dungun. Selain itu, pameran yang dipamerkan juga mestilah mempunyai daya tarikan yang tersendiri dan mudah difahami oleh pengunjung. Pameran yang memberikan impak kepada pengunjung dapat membantu muzium untuk mendapatkan pengunjung lebih ramai serta dapat menghidupkan semula aktiviti-aktiviti Muzium Dungun.

Harga

Harga dalam konsep ekonomi adalah nilai sesuatu barangan dan perkhidmatan yang dipanggil sebagai duit mahupun wang. Harga merupakan sesuatu yang penting terutamanya dalam pemasaran untuk proses jual dan beli. Bagi kemasukan ke dalam Muzium Dungun ia tidak mempunyai masalah kerana harha kemasukan ke dalam muzium adalah percuma. Ini dapat menarik pengunjung untuk datang kerana harga kemasukan tiket ke dalam muzium adalah percuma dan tidak berbayar.

Promosi

Promosi merupakan satu langkah yang perlu diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti per muzium di Muzium Dungun. Hal ini demikian kerana, dengan mengadakan promosi ia dapat membantu menaikkan kesedaran kepada masyarakat tentang Muzium Dungun. Khususnya, promosi perlulah dilaksanakan bagi menarik pengunjung diluar sana untuk datang ke muzium. Promosi sentiasa dilakukan melalui laman sesawang rasmi muzium tetapi bagi Muzium Dungun ia tidak mempunyai laman sesawang yang sendiri kerana Muzium Dungun merupakan sebuah muzium di bawah penyeliaan Muzium Terengganu. Oleh itu, segala promosi yang dilakukan perlu dilihat di laman web Muzium Terengganu. Seterusnya, promosi melalui media sosial juga perlu dilakukan kerana pada era kini, generasi sekarang lebih gemar menggunakan platform Instagram, Facebook dan Twitter sebagai kehidupan seharian untuk melihat berita terkini. Pengkaji mendapati bahawa Muzium Dungun tidak mempunyai platform yang tersendiri untuk menarik minat pengunjung dan tidak mempunyai banyak maklumat apabila dicari menggunakan internet. Oleh itu, bagi kemudahan pengunjung yang tidak pernah datang ke muzium mahupun kepada pengunjung yang tidak dapat datang ke muzium, pihak yang terlibat perlulah memastikan dapat memberikan gambaran kepada pengunjung untuk mengenali muzium dan melawat pameran secara maya dengan menggunakan platform yang tersedia.

Tempat

Lokasi yang terletak di Muzium Dungun sangatlah sesuai sebagai sebuah tempat pelancongan kerana ia berdekatan dengan Pantai Teluk Lipat dan berdekatan dengan bandar Dungun. Selain itu, kawasan meletakkan kenderaan juga sangat luas dan tidak berlaku sebarang kesesakan jalan. Selain itu, ruang di dalam muzium juga selesa dan mempunyai fasiliti dan kemudahan kepada pengunjung.

4.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bahagian ini menyatakan secara terperinci mengenai dapatan objektif satu dan juga objektif dua dalam kajian ini. Dapatan kajian ini diolah menggunakan data yang diperolehi melalui kaedah kualitatif yang digunakan. Dapatan penyelidikan menunjukkan pihak muzium masih melakukan aktiviti-aktiviti permuziuman walaupun tidak lagi meriah seperti dahulu.



BAB 5

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji telah merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dijalankan dalam bab-bab sebelumnya. Selain itu, bab ini juga akan mengupas dengan lebih lanjut dapatan kajian tentang faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman dan mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun. Antara perkara-perkara yang dibincangkan termasuklah ringkasan, kesimpulan dan cadangan penyelidikan bagi kajian selanjutnya yang boleh dikaji oleh pengkaji-pengkaji pada masa hadapan serta diakhiri dengan rumusan bab. Disamping itu, pengkaji juga telah mengemukakan beberapa cadangan yang wajar untuk diutarajab sebagai refleksi keseluruhan kajian yang telah dikemukakan tersebut.

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian terhadap muzium awam kecil di Dungun dengan melihat faktor dan langkah untuk menghidupkan kembali suasana muzium. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat dua objektif yang telah diketengahkan bagi mencapai kehendak pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji telah mendapati bahawa muzium merupakan sebuah tempat yang memberikan pendidikan secara formal mahupun tidak formal kepada masyarakat dan menjadikan sebuah tempat untuk sektor pelancongan. Justeru itu, melalui kajian ini tidak dapat dinafikan bahawa ia secara tidak langsung akan membuka mata dan persepsi masyarakat bahawa muzium dapat memberikan manfaat kepada orang ramai. Dapatan kajian juga

telah merumuskan bahawa kajian ini telah merangkumi lima bahagian penting iaitu pengenalan, kajian literatur, metodologi kajian, dapuan kajian dan rumusan secara keseluruhan kajian. Oleh itu, kelima-lima bahagian ini amatlah penting dalam penulisan sesuatu kajian bagi memenuhi dan mencapai matlamat pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

Seterusnya, dalam bab 1 iaitu bahagian pengenalan ia merupakan perbincangan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan. Bahagian ini juga turut dikatakan telah membincangkan secara keseluruhannya mengenai latar belakang kajian pengkaji iaitu revitalisasi ataupun menghidupkan kembali aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun. Dalam kajian bab ini amat menekankan kepada batasan kajian yang mana skop kajian yang diutarakan oleh pengkaji adalah lebih menjurus kepada aktiviti permuziuman. Tujuan batasan kajian dalam sesebuah kajian adalah bagi mengelakkan berlakunya permasalahan kajian agar kajian tidak akan tersasar jauh.

Seterusnya, dalam bab 2 adalah mengenai kajian literatur ataupun sotoan kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji bagi menghasilkan kajian yang lebih baik. Bahagian ini sangat penting untuk ditekankan dan diteliti dengan baik agar dapat menghasilkan dan memperbaharui kajian yang telah sedia ada. Dengan adanya kajian literatur ia dapat memenuhi dan meluaskan kajian yang tidak pernah dikaji oleh pengkaji lain. Dalam kajian ini, pengkaji telah memperluaskan lagi mengenai kajian revitalisasi terhadap muzium mahupun masjid-masjid untuk kegunaan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga mencari kajian tentang permasalahan muzium yang tidak beroperasi dan faktor-faktor kekurangan pengunjung datang ke muzium.

Bab tiga merupakan metodologi kajian yang mana ia merupakan salah satu langkah yang dijadikan sebagai rujukan pengkaji dalam menjalankan kajian serta mencapai matlamat kajian pengkaji. Dalam bahagian ini terdiri daripada reka bentuk

kajian. Bagi reka bentuk kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah reka bentuk kualitatif dan pemerhatian. Kaedah ini lebih sesuai digunakan kerana sesetengah unsur tidak dapat diukur dan didapati melalui nombor semata-mata. Unsur seperti emosi, motivasi peristiwa, sejarah dan empati perlu menggunakan pemerhatian bagi mendapatkan datanya. Peristiwa atau sejarah tidak dapat difahami dengan hanya menggunakan data kuantitatif iaitu frekuensi, peratusan, kadar dan sebagainya. Oleh itu, data-data kualitatif perlu diambil melalui kaedah temu bual dan pemerhatian yang teliti secara mendalam.

Seterusnya, dalam bab empat pula adalah mengenai dapatan kajian yang mana ia bertujuan untuk membincangkan objektif kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan dua objektif iaitu mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman dan mengenalpasti Langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun.

Akhir sekali, bab lima adalah bahagian yang berkaitan dengan rumusan secara keseluruhan bahagian kajian yang telah dijalankan. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji telah merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Melalui kajian ini, pengkaji telah mendapati muzium perlulah dijaga dan dipelihara agar dapat dilihat pada zaman akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 RINGKASAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Kajian Mengenai Revitalisasi Muzium Awam Kecil- Kajian Kes di Muzium Dungun, Terengganu. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada analisis kedua-dua objektif kajian yang telah diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman.

Berdasarkan hasil kajian objektif pertama adalah dengan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan Muzium Dungun kurang aktiviti permuziuman, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang perlu dititik beratkan dan mengambil langkah awal untuk mencegah.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengenalpasti langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun.

Berdasarkan hasil dapatan kajian objektif kedua adalah dengan menganalisis langkah-langkah yang boleh diambil bagi menghidupkan semula aktiviti-aktiviti permuziuman di Muzium Dungun, pengkaji mendapati bahawa muzium masih beroperasi dengan baik tetapi mempunyai sedikit masalah seperti tiada melakukan promosi untuk memastikan pengunjung tahu akan kesedaran Muzium Dungun ini.

5.3 CADANGAN

Menerusi daripada keseluruhan hasil kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji amat berharap agar pengkaji-pengkaji pada masa akan datang dapat memberi penambahbaikan mengenai kajian revitalisasi terhadap muzium. Hal ini demikian kerana, dengan melakukan Langkah revitalisasi ia dapat membantu menaikkan semula muzium yang telah mundur dan merosot. Dengan adanya penerusan kajian ini dari semasa ke semasa ia mampu mebuatkan masyarakat lebih peka serta tidak alpa dalam memelihara dan memulihara muzium. Oleh itu, hasil daripada kajian ini, pengkaji ingin menyarankan beberapa cadangan yang boleh dijadikan sebagai suatu panduan atau Tindakan yang seterusnya dan meneruskan serta menambah baik kajian ini. Cadangan yang pertama adalah kajian mengenai latar belakang dan sejarah Muzium Dungun. Hal ini demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa sumber untuk mendapatkan maklumat secara alam maya sangat lah susah kerana Muzium Dungun tidak mempunyai maklumat yang banyak di dalam Internet.

5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa muzium merupakan sebuah tempat yang menyediakan banyak program dan perkhidmatan kepada masyarakat dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti memperolehi, pemuliharaan dan mengintrepstasi artifak-artifak bagi tujuan mendidik dan membuka peluang kepada masyarakat untuk menambah ilmu pengetahuan dengan mengadakan aktiviti-aktiviti di muzium. Akhir kata, revitalisasi adalah sangat penting bagi memulakan Langkah awal untuk membangunkan semula muzium.

RUJUKAN

Ella Alfianita, Andy fefta Wijaya, Siswidiyanto (2015). Revitalisasi Pasar Traditional Dalam Perspektif. (online)

<https://media.neliti.com/media/publications/81722-ID-revitalisasi-pasar-tradisional-dalam-per.pdf>

Drs. Prihatno, M'M' (2016). Kajian Revitalisasi Pasar Pleret Kabupaten Bantul. (online)

<https://www.amptajurnal.ac.id/index.php/MWS/article/view/183/112>

Tunjung Atmadi (2019). Revitalisasi Desain Interior Museum Kebangkitan Nasional Jakarta, April 2019. (online)

https://www.researchgate.net/publication/332142871_REVITALISASI_DESAIN_INTERIOR_MUSEUM_KEBANGKITAN_NASIONAL_JAKARTA

Ida Ayu Gede Megasuari Indria (2016). Revitalisasi Muzium Manusia Purba Gilimanuk, November 2016. (online)

<https://core.ac.uk/download/pdf/293174693.pdf>

Aimi Zahirah Abd Halim, Lam Meng Chun (2017). Galeri Interaktif Mudah Alih Berasaskan Augmentasi Realiti. (online)

<http://www.ftsm.ukm.my/file/research/technicalreport/PTA-FTSM-2017-038.pdf>

Nurul Nadia binti Afandi (2010), Pemuliharaan Dan Kos Baik Pulih Bangunan Lama di Pulau Pinang. (online)

<https://bic.utm.my/files/2018/04/NURUL-NADIA-AFANDI.pdf>

Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid, Rahimin Affandi Abd Rahim (2019), Kesedaran Muzium Baru di Malaysia. Universiti Malaya.

Website Muzium Negara. (online).

http://www.muziumnegara.gov.my/main&c=Sejarah_1

Nor Azlin Hamidon, Muhamad Amirul Hafiz Zulkifli (2019), Strategi Pemasaran Pameran Muzium:

Kajian Kes Muzium Kesenian Islam Malaysia. Universiti Teknologi MARA.

Muhamad Amirul Hafiz bin Zulkifli (2017), Strategi Pemasaran Pameran Muzium:

Kajian Kes Muzium Kesenian Islam Malaysia. Akademi Pengajian Melayu Universiti
Malaya Kuala Lumpur

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abd Rahim, Mohamed Yusuf Ahmad Adam
Broughton, Ahnaf Wafi Alias (2020), Muzium Dan Kedaulatan Institusi Beraja di
Malaysia. Universiti Malaya

Kamus Dewan (2006). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN